

JAKMAS Kolej Kediaman E Jayakan Minggu Seerat Salam

NST 27.9.2017 5

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman E sekali lagi berjaya menganjurkan Program Seerat Salam Sesi 2017/2018 selama seminggu bertempat di kolej kediaman berkenaan.

Program tahunan kolej kediaman itu yang berlangsung sehingga Ahad bertujuan memperkenalkan Kolej Kediaman E serta pihak pengurusan kepada siswa siswi baharu yang telah mendaftar di kolej tersebut.

Antara pengisian sepanjang Minggu Seerat Salam termasuklah Malam Pengenalan dan Taklimat Peraturan Kolej, Taklimat Kesihatan dan Malam Bersama Pemimpin, Malam Pengenalan Kelab, Ceramah Perdana dan Moral, Latihan dalam Kumpulan, Megarewang, gotong-royong dan Malam Seribu Bintang yang merupakan malam bagi penutupan program ini.

Pada Malam Seribu Bintang, lebih 2,000 pelajar telah membanjiri Anjung Perdana ·Kolej Kediaman E bagi

bersama-sama memeriahkan majlis penutupan yang turut dihadiri Pengetua Kolej, Dr. Syahruddin Hj. Awang Ahmad, dan Timbalan Pengetua Mohd Hilmey Saili.

Dalam ucapannya, Dr. Syahruddin turut menyuarakan harapan agar siswa siswi

baharu dapat menjalankan tanggungjawab sebagai seorang pelajar dengan baik, seterusnya memperkuat dan mengandakan usaha untuk mencapai cita-cita yang diimpikan selama ini. -OLEH MARRYAN RAZAN



MERIAHKAN MAJLIS Sekitar program Seerat Salam Kolej Kediaman E UMS.